

# Penggunaan Kata Terbitan dalam Lagu Bertemakan Kepimpinan: Satu Analisis Morfologi

*The Use of Derived Words in Leadership-Themed Songs: A Morphological Analysis*

Che Nur Farhan Najwa Azhad

<sup>1</sup>Harishon Radzi

Program Linguistik  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>naslin@ukm.edu.my

## ABSTRAK

Lagu walaupun digunakan sebagai hiburan, di dalamnya masih mengandungi mesej yang cuba disampaikan kepada pendengar, malah terdapat juga fenomena di mana lagu dikaitkan secara langsung dengan ciri-ciri kepimpinan para Perdana Menteri (PM) Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada kajian morfologi, perkaitan antara lagu dan kepimpinan yang diberi tajuk Penggunaan Kata Terbitan dalam Lagu Bertemakan Kepimpinan: Satu Analisis Morfologi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti lirik lagu bertemakan PM Malaysia, mengkategorikan kata terbitan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tersebut dan menganalisis pembentukan kata terbitan berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan (2010). Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif. Data kajian merupakan satu video berdurasi 46 saat yang telah dimuat turun melalui aplikasi media sosial TikTok. Langkah-langkah yang diambil adalah dengan mendengar, mengamati, melakukan transkripsi lirik lagu, mengkategorikan kata terbitan dan menganalisis kata terbitan yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Analisis mendapati lagu yang bertemakan PM kelapan hanya mempunyai kata terbitan jenis awalan dan berapitan sahaja, manakala lagu bertemakan PM kesembilan memiliki kesemua jenis kata terbitan berawalan, berakhiran dan berapitan. Kajian menunjukkan lagu sebagai satu aspek seni akan mampu menyerlahkan mesej yang cuba disampaikan.

**Kata kunci:** Lirik lagu, kepimpinan, kata terbitan, TikTok, Perdana Menteri Malaysia

## ABSTRACT

Although songs are used as entertainment, they still contain messages that are trying to be conveyed to listeners, and there is also a phenomenon where songs are directly linked to the leadership characteristics of Malaysian Prime Ministers (PMs). This study focuses on the study of morphology, the relationship between song and leadership which is titled *The Use of Derived Words in Leadership-Themed Songs: A Morphological Analysis*. The objective of this study is to identify the lyrics of Malaysian PM-themed songs, categorize the derived words found in the lyrics and analyze the formation of derived words based on Principles of Tatabahasa Dewan (2010). The study conducted is qualitative in nature. The research data is a 46-second video that has been downloaded through the social media application TikTok. The steps taken are to listen, observe, transcribe song lyrics, categorize derived words and analyze derived words found in the song lyrics. The analysis found that the song with the theme of the eighth PM only has derived words of the prefixes and suffixes type only, while the song with the theme of the ninth PM has all types of derived words prefixes, suffixes and interlaced. The study shows that songs as an aspect of art will be able to highlight the message that is trying to be conveyed.

**Keywords:** *Song lyrics, leadership, derived words, TikTok, Prime Minister of Malaysia*

## 1. Pengenalan

Lagu secara umumnya merupakan satu jenis hiburan harian bagi semua lapisan masyarakat sejak dahulu hingga sekarang. Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) menyatakan lagu yang didendangkan mampu membangkitkan emosi pendengar di samping menyampaikan suatu pesan atau nasihat. Oleh kerana fungsinya yang baik dalam mempengaruhi masyarakat, lagu juga diaplikasikan di dalam bidang-bidang selain kesenian seperti bidang pendidikan, perniagaan dan politik dalam mencapai objektif masing-masing.

Fenomena penggunaan lagu dalam politik semakin berkembang setiap kali Pilihan Raya Umum (PRU) dijalankan. Lagu dalam politik digunakan dalam berkempen untuk menarik undi bagi parti-parti tertentu. Sehubungan dengan itu, setelah PRU-15, ketika negara Malaysia masih hangat menyambut pembentukan kerajaan baru, tular di media sosial tentang penggunaan lagu dalam politik yang mengaitkan antara lagu dan kepimpinan Perdana Menteri (PM) di Malaysia. Lagu-lagu tersebut ada yang menjadi simbol patriotisme dalam kalangan rakyat dan ada juga lagu yang walaupun tiada sebarang unsur patriotik, lagu tersebut telah dianggap sebagai lagu tema PM yang terlibat.

Lagu yang ingin dikaitkan dengan kepimpinan PM tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya kerana PM merupakan pemimpin dan pempengaruh tertinggi bagi negara Malaysia. Hal ini memerlukan pengamatan yang tinggi terhadap latar belakang lagu, ciri-ciri kepimpinan yang dibawa dan juga penggunaan bahasa yang terdapat di dalam lagu tersebut sebelum sesebuah lagu tersebut dikaitkan dengan kepimpinan. Justeru, penulisan ini dijalankan bagi melihat penggunaan bahasa di dalam lirik lagu dari aspek morfologi, penggunaan kata terbitan dalam lirik lagu.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood dalam Tatabahasa Dewan (2010) menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa jenis aglutinatif atau bersifat derivatif. Aglutinatif merupakan bahasa yang banyak menggunakan aglutinasi. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan aglutinasi sebagai penambahan imbuhan pada kata atau kata akar untuk menunjukkan fungsi tatabahasa. Proses penambahan imbuhan dalam morfologi dikenali sebagai proses pengimbuhan dan kata yang terhasil daripada proses ini merupakan kata terbitan.

Kajian berdasarkan kata terbitan masih lagi kurang dijalankan, terutamanya dari segi lagu dan kepimpinan. Maka, bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan tiga objektif yang ingin dicapai. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti lirik lagu bertemakan Perdana Menteri Malaysia, mengkategorikan kata terbitan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tersebut dan menganalisis proses pembentukan kata terbitan berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan.

## 2. Tinjauan Literatur

Kajian-kajian lepas telah banyak membantu pengkaji dari segi rujukan dan sumbangan idea baharu dalam kajian. Selain itu, kajian-kajian lepas juga telah membantu pengkaji dari segi memahami kajian yang ingin dijalankan di samping memberikan motivasi untuk menjadikan kajian ini bermanfaat kepada pengkaji akan datang. Sehubungan dengan itu, pengkaji

meneliti kajian-kajian lepas berdasarkan empat kata kunci, iaitu lirik lagu, kepimpinan, morfologi dan media sosial.

## **2.1 Lirik Lagu**

Kajian terhadap Perbandingan Unsur Patriotik dan Gaya Bahasa antara Lirik Lagu Lili Marleen dan Perwira dijalankan oleh Farhana Muslim Mohd Jalis, Syasya Afifah Jusni & Salmah Jan Noor Muhammad (2023). Perbandingan lagu melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa Jerman dan bahasa Melayu. Lagu pertama merupakan lagu “Lili Marleen” yang dinyanyikan oleh Marlene Dietrich (1945), manakala lagu kedua merupakan lagu “Perwira” yang dinyanyikan oleh Puan Sri Saloma (1965). Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kedua-dua buah lagu tersebut dari segi unsur politik dan menganalisis gaya bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Bagi menganalisis data, pengkaji telah menggunakan dua teori, iaitu Teori Unsur Politik oleh Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004) dan Teori Unsur Gaya Bahasa oleh Nik Hassan Basri (2005). Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian dokumen. Kajian mendapati lagu “Lili Marleen” dan “Perwira” dikenal pasti memiliki persamaan dari segi genre, iaitu genre cinta dan makna perperangan dan kedua-dua lirik lagu mempunyai beberapa unsur patriotik yang sama. Unsur patriotik yang didapati ialah unsur ‘berjuang dan berbakti demi negara’, unsur ‘cinta’ dan yang terakhir merupakan unsur ‘kasih sayang’. Seterusnya, kajian mendapati kedua-dua buah lagu juga menggunakan gaya bahasa yang sama iaitu gaya bahasa asonansi, hiperbola, aliterasi, pengulangan fasa, anafora, metafora dan ironi. Hal ini jelas bahawa walaupun kedua-dua lagu yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai banyak perbezaan dari segi bahasa, tahun dikeluarkan, penyanyi dan penulis lirik, unsur patriotik dan gaya bahasa yang digunakan tidak mempunyai perbezaan.

## **2.2 Kepimpinan**

Kajian Wacana Kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Ke-9: Analisis Kaedah Retorik oleh Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail (2022). Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis kaedah retorik ethos, pathos dan logos dalam teks ucapan dengan menggunakan Teori Retorik Aristotle. Data kajian merupakan teks ucapan melalui program Keluarga Malaysia oleh Perdana Menteri kesembilan, YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah pathos paling dominan di dalam teks ucapan dengan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 10 kali (45.5%), diikuti oleh logos, lapan kali (36.3%) dan ethos, empat kali (18.2%), menjadikan jumlah keseluruhan 22 kaedah dijumpai. Hasil perbincangan mendapati telah menggunakan ketigatiga kaedah retorik ethos, pathos dan logos. Ketiga-tiga retorik ini digabung bagi manguatkan hujah dalam wacana kepimpinan, namun pengucap lebih cenderung untuk menggunakan kaedah pathos dalam ucapannya bagi mempengaruhi emosi pendengar untuk mempercayai dan menyokong slogan Keluarga Malaysia. Kesimpulannya, penggunaan kaedah retorik ethos, pathos dan logos dalam teks ucapan seorang pemimpin mampu menaikkan lagi kepercayaan pendengar terhadap ucapan yang diberikan dan ciri kepimpinan yang dibawa.

Kajian Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail (2022) mempunyai sedikit persamaan dengan kajian Retorik Naratif dalam Ucapan Perdana Menteri (PM) Semasa Era Pandemik oleh Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022). Kajian ini dijalankan bagi meneliti penggunaan retorik naratif dalam ucapan Tan Sri Muhyiddin Yasin,

Perdana Menteri Malaysia kelapan. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks bagi mengenal pasti teknik retorik moden yang digunakan di dalam teks ucapan. Sebanyak 78 teks diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri bermula daripada tarikh 16 Mac 2020 hingga 5 Mac 2021. Pengkaji telah menggunakan Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) bagi menganalisis kesesuaian penggunaan retorik naratif dalam teks ucapan Perdana Menteri. Hasil kajian mendapat terdapat 79 penggunaan retorik naratif dalam 78 teks ucapan PM dan telah membahagikannya kepada empat bahagian, iaitu imaginasi atau rekaan, pengalaman, politik dan ekonomi. Kajian ini menunjukkan bahawa retorik naratif menjadikan jalan cerita tersusun daripada awal dan mampu memberikan penerangan dan gambaran yang jelas tentang maklumat yang ingin disampaikan. Justeru, ucapan PM yang menerapkan retorik naratif ini mampu memberikan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap ucapannya dan kepimpinannya.

### **2.3 Morfologi**

Kajian terhadap *Formation Process of Derived Words in Malay and Iban* oleh Jackson Jimbai, Saripah Banseng & Ciptro Handrianto (2024). Kajian ini memfokuskan kepada proses pembentukan kata terbitan antara dua bahasa, bahasa Melayu dan bahasa Iban. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* dan bahasa Iban berdasarkan Bup Sereba Reti. Pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 31 kata terbitan berawalan, 18 kata terbitan berakhiran dan tujuh kata terbitan bersisipan dalam bahasa Melayu. Bagi bahasa Iban, sebanyak empat kata terbitan berawalan, dua kata terbitan berakhiran dan tiga kata terbitan bersisipan. Objektif kedua adalah untuk menganalisis perbezaan proses pembentukan kata antara dua bahasa tersebut. Analisis perbezaan dijalankan dengan merujuk kepada morfem yang dijumpai di dalam bahasa Melayu kemudian membandingkannya dengan bahasa Iban yang mempunyai maksud perkataan yang sama. Contoh data yang diperolehi, bahasa Iban tidak memiliki elemen awalan /tata-/ seperti “tatabahasa” dalam bahasa Melayu, maka perkataan “jalai jaku” dalam bahasa Iban tidak menerima imbuhan dan dibentuk menjadi kata majmuk. Bahasa Iban juga tidak memiliki banyak variasi bagi morfem yang digunakan sebagaimana dalam bahasa Melayu. Contoh data, /teR-/ dalam bahasa Melayu mempunyai banyak variasi seperti /ter-/, /te-/ dan /tel-/, namun hanya terdapat satu sahaja dalam bahasa iban, iaitu /te-/ dalam perkataan “tekait”. Walaupun terdapat banyak perbezaan antara proses kata terbitan dalam kedua-dua bahasa, terdapat juga persamaan di dalamnya seperti penggunaan imbuhan /di-/ bagi perkataan “dipanggil” dan “dikangau”. Kesimpulannya, proses pembentukan kata dalam bahasa Iban dan bahasa Melayu mempunyai beberapa perbezaan. Dalam bahasa Iban proses pembentukan kata juga melibatkan penambahan dan penggantian dalam perkataan.

### **2.4 Media Sosial**

Kajian Penggunaan Bahasa Slanga di Media Sosial Dalam Kalangan Pencipta Kandungan oleh Munirah Zulkifli dan Ira Meilita Ibrahim (2023). Perubahan penggunaan bahasa slanga mengikut perkembangan masa memberikan peluang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian melalui media sosial. Kajian ini mengemukakan dua objektif untuk dicapai, iaitu untuk mengenal pasti bahasa slanga yang digunakan dalam kalangan pencipta kandungan di media sosial dan kesan penggunaan bahasa slanga kepada masyarakat Malaysia. Data kajian merupakan video yang dipilih melalui media sosial *TikTok* dan *YouTube*. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan pengumpulan data secara kualitatif. Hasil dapatan

kajian menunjukkan terdapat 34 slanga yang digunakan di dalam video pempengaruh *TikTok* dan *YouTube*. Bahasa slanga yang dikenal pasti kebanyakannya terhasil daripada kreativiti dan situasi yang dihadapi dan boleh juga melibatkan kata ganti diri dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu. Banyak perkataan-perkataan baru dan tidak gramatis telah timbul dan digunakan secara meluas dalam generasi kini. Penggunaan bahasa slanga yang tidak terkawal ini akan memberi kesan kesan yang negatif kepada bahasa itu sendiri. Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan bahasa slanga hendaklah diseimbangkan dan dikawal agar tidak terbawa-bawa sehingga dalam pertuturan yang formal di samping dapat menjaga nilai bahasa Melayu daripada ditenggelami zaman.

Kajian media sosial yang seterusnya merupakan kajian Analisis Ujaran Video Tiktok Zhiddin Aziz bersandarkan Teori Keraf oleh Nur Alisa Latiff dan Nora'azian Haji Nahar (2023). Kajian ini merupakan kajian terhadap ragam bahasa sindiran yang diperolehi daripada aplikasi *TikTok*, iaitu lima video daripada seorang pempengaruh *TikTok*, Zhiddin Aziz. Fokus kajian ini adalah kepada mengklasifikasikan ujaran bahasa sindiran dan menganalisis jenis bahasa sindiran. Teori Kerangka Keraf (2017) digunakan bagi bagi menganalisis jenis bahasa sindiran. Teori ini mengkategorikan bahasa sindiran kepada tiga jenis, iaitu ironi, sinisme dan sarkasme. Hasil kajian mendapat kelima-lima video Zhiddin Aziz mempunyai jenis sindiran ironi, sinisme dan sarkasme. Bahasa sindiran tersebut disampaikan dalam bentuk ayat penyata dan juga peribahasa. Kebanyakan video Zhiddin Aziz mengandungi ujaran sindiran yang melibatkan PRU dan politik. Keseluruhannya, walaupun bahasa yang digunakan memiliki cemuhan, kebencian dan celaan secara terbuka, sindiran jenis ironi, sinisme dan sarkastik yang terdapat di dalam video Zhiddin Aziz didapati mudah diterima oleh masyarakat terutama golongan Z.

### **3. Metodologi Kajian**

Bahagian ini akan menjelaskan tentang data kajian, tatacara pengumpulan data, kaedah kepustakaan, kaedah atas talian dan analisis data.

#### **3.1 Data Kajian**

Sumber kajian ini adalah daripada aplikasi media sosial, *TikTok*. Sumber tersebut berbentuk video yang telah disunting oleh seorang pengguna berkaitan lagu yang bertemakan Perdana Menteri Malaysia. Video tersebut berdurasi 46 saat. Proses pengumpulan data kemudian dijalankan berdasarkan sumber ini bagi mendapatkan data yang mudah untuk dianalisis.

#### **3.2 Tatacara Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dimulakan dengan memuat turun sumber data terlebih dahulu bagi memudahkan proses yang seterusnya dijalankan dan bagi memastikan sumber data terjaga. Proses berikutnya adalah untuk mendengar video yang telah dimuat turun dan menjalankan transkripsi kandungan video tersebut. Pengkaji telah mendengar video tersebut berulang kali agar data yang diperolehi tepat dan benar. Semua proses ini dijalankan bagi mendapatkan data dalam bentuk teks kerana kajian ini menggunakan sepenuhnya kaedah analisis teks.

Kaedah kepustakaan juga telah digunakan dan kaedah ini merupakan kaedah paling awal pengkaji lakukan. Pengkaji telah melawat tiga tempat, iaitu Perpustakaan Tun Seri

Lanang (PTSL), Pusat Sumber Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik (PSPPBL) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK). Kaedah kepustakaan membenarkan pengkaji memperoleh pelbagai jenis rujukan seperti kamus, buku, artikel dan jurnal. Rujukan-rujukan ini memudahkan pengkaji dalam memberikan definisi, menghuraikan prinsip yang digunakan dan memahami skop kajian ini. Selain menjadi sumber rujukan, pengkaji juga telah menghabiskan banyak masa di dalam PTS dan PSPPBL dalam menyiapkan penulisan ini.

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan sumber-sumber atas talian (*online*) bagi mendapatkan rujukan terutamanya rujukan berkaitan kajian-kajian lepas. Lambakan maklumat di dalam internet menjadikan pencarian rujukan lebih mudah dan pantas. Hal ini juga telah memberikan kelebihan kepada pengkaji dalam menyiapkan penulisan dengan pantas. Pelbagai jenis jurnal atas talian telah menjadi rujukan utama pengkaji seperti e-JBL, Jebat, Jurnal Wacana Sarjana, IJEIT dan sebagainya. Jurnal-jurnal ini sangat membantu pengkaji dalam mencari kelompongan dalam kajian lepas dan idea sepanjang menyiapkan kajian ini.

### 3.3 Analisis Data

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks. Setelah proses pengumpulan data dijalankan, data yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan. Proses analisis data dimulakan dengan mengenal pasti lagu yang terdapat di dalam video. Kemudian, pengkategorian data dijalankan dan dipaparkan dalam bentuk jadual supaya data kelihatan lebih teratur dan mudah difahami. Data yang telah dikategorikan akan dianalisis berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan (2010).

#### 3.1.1 Lirik lagu bertemakan Perdana Menteri Malaysia

Berdasarkan data yang diperoleh daripada video *TikTok*, terdapat dua buah lagu dikenal pasti diangkat menjadi tema PM Malaysia.

*Tetapi jika saudara saudari masih bergerak  
Ke sana ke sini ke sana  
Ke sana (sana sana sana)  
Just stay at home*

*Tetapi jika saudara saudari masih bergerak  
Ke sana ke sini ke  
Ke sana ke sini*

*Oleh sebab itu saya ingin merayu kepada saudara saudari tolonglah  
Just stay at home*

*We are a nation at war with invisible forces.  
The situation we are now facing is unprecedented in history  
And this government may not be the government that you voted for  
But i want all of you to know that this government cares for you*

*My dear brothers and sisters  
and the children of this beloved country*

*whether you are a Malay, Chinese, Indian, Sikh, Dusun, Iban, Kadazan  
Marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama-sama  
Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

*Tetapi jika saudara saudari masih bergerak  
Ke sana kesini ke sana  
Just stay at home*

(Lagu remix “Ke Sana Ke Sini”)

Lirik lagu di atas merupakan lirik lagu “Ke Sana Ke Sini”. Lagu ini telah diangkat menjadi tema PM kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yasin. Lagu ini merupakan lagu jenis *remix*, gubahannya satu kumpulan DJ bernama Bass Agents pada tahun 2020. Lagu berdurasi tiga minit 20 saat ini terhasil daripada ucapan Tan Sri Muhyiddin Yasin berkaitan dengan arahan PKP semasa negara dilanda Covid-19. Terdapat dua ucapan PM dipetik untuk dijadikan lirik, iaitu ucapan yang bertarikh 18 Mac 2020 dan 27 Mac 2020.

*Nun di langit  
Cahaya bersinar  
Menyinari bumi merdeka*

*Ini masa  
Buang permusuhan  
Padamkan sengketa di jiwa  
Ayuh buka  
Pintu-pintu di hati  
Rapatkan jurang satukan tekad azam untuk Malaysia*

*Ayuh kita  
Bersama bangunkan semula  
Rapatkan  
Hatimu hapuskanlah kebencian*

*Ayuh kita  
Zahirkan impian bersama  
Menjunjung  
Semangat yang bernama keluarga  
Malaysia*

*Dari timur barat dan selatan  
Inilah masanya bersama*

*Ayuh kita  
Henti menuding menyalah  
Tegaskan  
Niatmu sempurnakan keazaman*

*Hanya kita  
Rakyat berbagai bangsa  
Mampu membangunkan membentukkan arah untuk Malaysia*

*Ayuh kita  
Bersama bangunkan semula  
Rapatkan  
Hatimu hapuskanlah kebencian*

*Ayuh kita  
Zahirkan impian bersama  
Menjunjung  
Semangat yang bernama*

*Keluarga Malaysia*

(Lagu “Keluarga Malaysia”)

Lirik di atas pula merupakan lagu “Keluarga Malaysia” yang diangkat menjadi tema PM kesembilan, Dato’ Seri Ismail Sabri Yaakob. Lagu “Keluarga Malaysia” merupakan satu terbitan daripada Yayasan Persahabatan Malaysia (PERMAI) dan Rocketfuel Entertainment. Lagu ini ditulis oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr. Annuar Haji Musa dan dinyanyikan oleh empat orang artis, Ara Johari, Sufi Rashid, Masya Masyitah dan Putera (MADAM). Seterusnya, komposer bagi lagu ini dikenali sebagai Jerry.

#### **4. Dapatan dan Perbincangan**

Bahagian ini akan membincangkan keseluruhan dapatan kajian dari segi pengenalphastian lirik lagu berdasarkan Perdana Menteri Malaysia, pengkategorian kata terbitan dan analisis proses pembentukan kata terbitan berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan (2010).

##### ***4.1 Mengenal pasti lirik lagu bertemakan Perdana Menteri Malaysia.***

###### ***4.1.1 Lagu “Ke Sana Ke Sini”***

Lagu jenis *remix* “Ke Sana Ke Sini” telah dikenal pasti diangkat menjadi tema PM kelapan bagi mengingati sumbangan beliau dalam memimpin negara Malaysia dalam menghadapi pandemik Covid-19. Walaupun lagu ini tidak mengandungi unsur patriotik, kesan yang diberikan sangat mendalam buat rakyat Malaysia. Lagu ini menjadi tular di media sosial dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri menyatakan bahawa beliau sedar ada yang mengubah ucapannya kepada lagu rap. Kreativiti ciptaan lagu itu disambut positif oleh beliau sekali gus memberikan impak positif kepada rakyat Malaysia untuk mempercayai kepimpinan beliau saat itu.

Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan seorang Perdana Menteri yang memiliki tempoh pemerintahan kurang daripada lima tahun. Beliau telah menyumbang banyak perkara dalam menangani Covid-19. Beliau telah memperkenalkan pelbagai langkah seperti PKP, PKPD dan penutupan sempadan antara daerah bagi membendung penyebaran virus. Walau bagaimanapun, banyak kritikan yang telah dilemparkan kepada beliau sepanjang kepimpinan beliau, namun beliau cuba untuk memahami rakyat. Lagu ini mengumpulkan petikan ucapan rasmi yang menunjukkan sejarah dan situasi semasa pemerintahan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Petikan ucapan rasmi beliau, “*and this government may not be the government that you voted*

*for but i want all of you to know that this government cares for you”* menunjukkan bahawa beliau bersama-sama kerajaan di bawahnya memberikan sepenuh hati untuk membantu rakyat mengharungi pandemik. Selain itu, petikan “*whether you are a Malay, Chinese, Indian, Sikh, Dusun, Iban, Kadazan, marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama-sama*” menunjukkan Tan Sri Muhyiddin Yassin merayu agar seluruh rakyat Malaysia memberi kerjasama dalam menyokong beliau.

Lagu ini memiliki percampuran bahasa Melayu dan Inggeris kerana pencipta lagu memetik ucapan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk dimasukkan ke dalam lirik. Frasa “*ke sana ke sini*” diambil daripada ucapan beliau bertarikh 18 Mac 2020 yang bertajuk “Perutusan Khas Covid-19 (18 Mac 2020) - Stay At Home”. Ucapan kedua merupakan ucapan bertarikh 27 Mac 2020 yang bertajuk “Ucapan Perutusan Khas Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)”. Pemilihan petikan ucapan di dalam lagu ini didapati mampu menceritakan latar belakang kepimpinan PM, terutamanya suasana sewaktu pemerintahannya dan pandangan rakyat terhadap kepimpinannya.

Sumbangan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam menangani Covid-19 merupakan hal yang sangat bermakna bagi rakyat Malaysia. Segala nasihat dan teguran yang diberikan menerusi ucapan rasmi, menjadi satu perkara yang paling diingati oleh rakyat, terutamanya frasa “*just stay at home*” dan “*jika saudara masih bergerak ke sana ke sini*”. Oleh itu, lagu remix “Ke Sana Ke Sini” telah diangkat menjadi tema Perdana Menteri kelapan bukanlah kerana lagu ini bersifat patriotik, namun kerana lagu tersebut sangat rapat dan sangat berkait dengan situasi kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan juga pandangan rakyat terhadapnya.

#### 4.1.2 Lagu “Keluarga Malaysia”

Lagu “Keluarga Malaysia” telah diangkat menjadi tema kepimpinan Perdana Menteri kesembilan. Lagu ini merupakan lagu berkaitan kebangkitan rakyat Malaysia dalam berganding bahu menangani pandemik Covid-19 tanpa mengira kaum. Lagu ini telah dikeluarkan semasa pemerintahan Dato’ Seri Ismail Sabri Yaakob dan telah didendangkan semasa sambutan Hari Kebangsaan ke-64.

Dato’ Seri Ismail Sabri Yaakob meneruskan perjuangan Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam menangani pandemik. Beliau telah memperkenalkan pelbagai langkah-langkah yang berkesan dalam membendung wabak ini seperti mengurangkan jumlah pengumpulan sosial, menutup perniagaan yang tidak penting, memperkenalkan program vaksinasi meluas, meningkatkan kapasiti hospital dan mempercepatkan proses vaksinasi. Selain itu, Keluarga Malaysia merupakan satu dasar yang diperkenalkan oleh Dato’ Seri Ismail Sabri yang menggalakkan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum agar bekerjasama dalam membendung Covid-19. Dasar ini juga adalah untuk memupuk belas kasihan, keterangkuman, kebersamaan, dan rasa hormat di kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini didapati berjaya kerana rakyat Malaysia kembali bangkit dan lebih bersemangat dalam membendung penyakit ini bersama. Hal ini dapat dilihat melalui petikan lirik lagu, “*rapatkan jurang satukan tekad azam untuk Malaysia*” dan “*ayuh kita zahirkan impian bersama menjunjung semangat yang bernama, keluarga Malaysia*”.

Nur Syafiqah Mohd Yazib (2022) menyatakan bahawa penciptaan lagu “Keluarga Malaysia” merupakan satu cara untuk menyematkan dasar ini ke dalam rakyat Malaysia kerana lagu merupakan medium yang sangat berkuasa dalam mempengaruhi orang ramai. Justeru, dasar Keluarga Malaysia memberikan impak yang tinggi dalam perubahan negara

Malaysia dan merupakan satu kata kunci dalam mengingati sumbangan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

#### **4.2 Pengkategorian kata terbitan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu mengikut tema Perdana Menteri Malaysia**

Kata terbitan yang terdapat di dalam lagu dikategorikan kepada empat jenis kata terbitan, iaitu kata terbitan berawalan, berakhiran, berapitan dan bersisipan. Jadual 1 di bawah menunjukkan pengkategorian kata terbitan. Lagu “Ke Sana Ke Sini” dilabel sebagai (L1) dan lagu “Keluarga Malaysia” dilabel sebagai (L2). Perdana Menteri yang terlibat bagi setiap lagu ditandai dengan (PM8) bagi Tan Sri Muhyiddin Yassin dan (PM9) bagi Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

JADUAL 1. Kategori kata terbitan dalam lirik lagu bertemakan Perdana Menteri

Lagu	Perdana Menteri	Kata Terbitan Berawalan	Kata Terbitan Berakhiran	Kata Terbitan Berapitan	Kata Terbitan Bersisipan
L1	PM8	bergerak, merayu, berganding, bersama-sama	-	mengharungi	-
L2	PM9	bersinar, bersama, menjunjung, bernama, menudung, menyalah	padamkan, rapatkan, satukan, bangunkan, hapuskan, zahirkan, tegaskan, sempurnakan	menyinari, permusuhan, - kebencian, keazaman, membangunkan, membentukkan	-

Jadual 1 menunjukkan L1 mengandungi empat kata terbitan berawalan dan hanya satu kata terbitan berapitan, manakala kata terbitan berakhiran bersisipan tidak dijumpai di dalam lirik lagu tersebut. L2 mempunyai penggunaan kata terbitan yang tinggi berbanding L1. Kata terbitan berawalan dan berapitan di dalam L2 masing-masing mempunyai enam kata terbitan, manakala terdapat lapan kata terbitan jenis berakhiran. L2 juga didapati tidak menggunakan sebarang kata terbitan bersisipan.

#### **4.3 Proses pembentukan kata terbitan dengan menggunakan Prinsip Tatabahasa Dewan.**

Tatabahasa Dewan (2010) menyatakan bahawa kata terbitan merupakan kata yang terhasil daripada proses pengimbuhan, iaitu gabungan satu atau lebih imbuhan kepada kata dasar. Imbuhan merupakan morfem terikat manakala kata dasar merupakan morfem bebas. Tatabahasa Dewan (TD) telah membahagikan kata terbitan kepada empat jenis, iaitu kata terbitan berawalan, berakhiran, berapitan dan bersisipan. Keempat-empat kata terbitan ini dibahagikan berdasarkan kedudukan imbuhan di dalam kata. Kata terbitan (KT) berawalan adalah apabila imbuhan berada di awal kata dasar, KT berakhiran apabila imbuhan berada di akhir kata dasar, KT berapitan apabila imbuhan berada di awal dan akhir kata dasar, dan KT bersisipan apabila imbuhan disisipkan ke dalam kata dasar. Kata terbitan berawalan,

berapitan dan bersisipan wujud dalam kata nama, kata kerja dan kata adjektif, manakala kata terbitan berakhiran hanya wujud dalam kata nama dan kata kerja sahaja.

#### 4.3.1 Kata Terbitan Berawalan

JADUAL 2. Kata terbitan berawalan dalam L1 dan L2

Lagu	Perdana Menteri	Kata Nama Terbitan	Kata Kerja Terbitan	Kata Adjektif Terbitan
L1	PM8	-	bergerak, merayu, berganding, bersama-sama	-
L2	PM9	-	bersinar, bersama, menjunjung, bernama, menuding, menyalah	-

TD menyenaraikan 12 imbuhan awalan bagi kata kerja terbitan, iaitu awalan /me-/, /mem-/, /men-/, /meng-/, /menge-/, /memper-/, /ber-/, /be-/, /bel-/, /ter-/, /di-/ dan /diper-/. Berdasarkan jadual 2, L1 dan L2 hanya menggunakan tiga daripada 12 awalan kata kerja, iaitu awalan /ber-/, /me-/ dan /men-/. Kata dasar atau morfem bebas yang didapati di dalam L1 ialah *gerak*, *rayu*, *ganding* dan *sama-sama*, manakala morfem bebas bagi L2 ialah *sinar*, *sama*, *junjung*, *nama*, *tuding* dan *salah*. Proses pengimbuhan bagi kata kerja terbitan berawalan:

me-	+	rayu	merayu
men-	+	junjung	menjunjung
		tuding	menuding
		salah	menyalah
ber-	+	gerak	berganding
		sama-sama	bersama-sama
		sinar	bersinar
		sama	bersama

#### 4.3.2 Kata terbitan berakhiran

JADUAL 3. Kata terbitan berakhiran dalam L1 dan L2

Lagu	Perdana Menteri	Kata Nama Terbitan	Kata Kerja Terbitan
L1	PM8	-	-
L2	PM9	-	padamkan, rapatkan, satukan, bangunkan, hapuskan, zahirkan, tegaskan, sempurnakan

Jadual 3 menunjukkan penggunaan akhiran kata kerja terbitan di dalam lirik lagu. Terdapat dua jenis imbuhan akhiran kata kerja, iaitu imbuhan akhiran /-kan/ dan /-i/, namun L2 didapati hanya menggunakan imbuhan akhiran /-kan/ dalam setiap kata terbitan berakhiran yang dijumpai. Kata dasar yang digunakan ialah *padam*, *rapat*, *satu*, *bangun*, *hapus*, *zahir*, *tegas* dan *sempurna*. Proses pengimbuhan bagi kata terbitan berakhiran:

padam			padamkan
rapat			rapatkan
satu			satukan
bangun	+	-kan	bangunkan
hapus			hapuskan
zahir			zahirkan
tegas			tegaskan
sepurna			sempurnakan

#### 4.3.3 Kata terbitan berapitan

JADUAL 4. Kata terbitan berapitan dalam L1 dan L2

Lagu	Perdana Menteri	Kata Nama Terbitan	Kata Kerja Terbitan	Kata Adjektif Terbitan
L1	PM8	-	mengharungi	-
L2	PM9	permusuhan, kebencian, keazaman	menyinari, membangunkan, membentukkan	-

L1 didapati menggunakan satu kata kerja terbitan berapitan, iaitu kata *mengharungi* dengan imbuhan apitan /meng-...-i/. Seterusnya, kata terbitan berapitan bagi L2 wujud dalam kata nama dan kata kerja. Imbuhan bagi kata nama terbitan berapitan menurut TD ada sembilan, namun L2 menggunakan dua imbuhan sahaja, iaitu imbuhan apitan /per-...-an/ dan /ke-...-an/. Bagi kata kerja terbitan berapitan, TD menyenaraikan 18 imbuhan berapitan: lima imbuhan /meN-...-kan/, empat imbuhan /meN-...-i/, /ber-...-kan/, /ber-...-i/, /di-...-kan/, /di-...-i/, /diper-...-kan/, /diper-...-i/, /memper-...-kan/, /memper-...-i/ dan /ke-...-an/. L2 hanya menggunakan dua daripada 18 imbuhan tersebut, iaitu imbuhan /men-...-i/ da /mem-...-kan/ dalam perkataan *menyinari*, *membangunkan* dan *membentukkan*. Kata dasar yang digunakan bagi L1 dan L2 ialah *harung*, *musuh*, *benci*, *azam*, *sinar*, *bangun* dan *bentuk*. Proses pengimbuhan bagi kata terbitan berapitan:

meng-	+	harung	+	-i	<i>mengharungi</i>
per-	+	musuh	+	-an	<i>permusuhan</i>
ke-	+	benci	+	-an	<i>kebencian</i>
		azam			<i>keazaman</i>
men-	+	sinar	+	-i	<i>menyinari</i>
mem-	+	bangun	+	-kan	<i>membangunkan</i>
		bentuk			<i>membentukkan</i>

#### 4.4 Perbincangan

Penggunaan kata terbitan di dalam lagu “Ke Sana Ke Sini” (L1) adalah sedikit berbanding penggunaannya di dalam lagu “Keluarga Malaysia” (L2). Perbezaan ini adalah disebabkan oleh tujuan lagu tersebut diciptakan. Tujuan lagu dan penggunaan bahasa dalam penulisan lirik sangat berkait rapat kerana lagu pada dasarnya banyak menggunakan kata tunggal berbanding kata terbitan. Bagi L1, lagu tersebut bertujuan sebagai hiburan semata-mata namun lirik dicipta berdasarkan ucapan rasmi daripada PM8. Kajian ini mendapati kata terbitan hanya wujud di dalam petikan ucapan PM8 sahaja, dengan tujuan memberi nasihat dan merayu agar rakyat Malaysia bersama-sama dalam menangani Covid-19. Pencipta lagu tidak menambah mana-mana kata terbitan selain daripada ucapan tersebut. Berbeza dengan lagu yang dicipta dengan tujuan semi-formal seperti L2. L2 merupakan lagu yang wujud bagi menerapkan konsep Keluarga Malaysia melalui lagu dan lagu ini juga didendangkan semasa sambutan Hari Kebangsaan ke-64. Oleh itu, lagu ini menggunakan banyak kata terbitan kerana tujuan utamanya adalah untuk mengajak rakyat Malaysia bersama-sama menjayakan dasar Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Seterusnya, kajian mendapati penggunaan kata terbitan berawalan adalah dominan bagi L1 dan kata terbitan berkahiran dominan dalam L2. Keseluruhan imbuhan yang digunakan adalah imbuhan dalam L1 dan L2 ialah awalan /ber-/, /me-/ dan /men-/, akhiran /-kan/ dan apitan /meng-....-i/, /per-....-an/ dan /ke-....-an/. Kajian mendapati kedua-dua buah lagu tersebut tidak menggunakan sebarang kata terbitan bersisipan. Bukan itu sahaja, kajian ini mendapati L1 mengandungi percampuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Maka terdapat juga beberapa kata terbitan dalam bahasa Inggeris digunakan iaitu *invinsible, forces, situation, facing, unprecedented, government, voted, cares, brothers, sisters, children and beloved*.

### 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian penggunaan kata terbitan di dalam lirik lagu bertemakan kepimpinan adalah wajar dijalankan. Hal ini kerana lagu yang ingin dikaitkan dengan kepimpinan Perdana Menteri memerlukan ciri-ciri yang perlu dititikberatkan, antaranya ialah penggunaan kata yang sesuai di dalam lirik dan perkaitan lagu dengan latar belakang pemerintahan Perdana Menteri. Penggunaan kata di dalam lirik lagu dianggap berbeza mengikut genre, sasaran lagu dan latar belakang lagu. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah memenuhi ketiga-tiga objektif kajian yang ditetapkan dan diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji akan datang terutamanya kajian dalam bidang morfologi. Oleh kerana kajian ini masih baharu, kajian ini telah membuka peluang untuk pengamatan yang lebih mendalam pada masa akan datang. Kajian ini mampu diperluaskan lagi skopnya kepada kajian pembentukan kata yang lain terutamanya di dalam lirik lagu bertemakan kepimpinan, malah boleh juga diperluaskan sehingga luar bidang linguistik.

### Rujukan

Bass Agents. (2020). COVID19. Video YouTube.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail. (2022). Wacana kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Ke-9: analisis kaedah retorik. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics* 6(4): 38-56.

- Farhana Muslim Mohd Jalis, Syasya Afifah Jusni & Salmah Jan Noor Muhammad. (2023). Perbandingan unsur patriotik dan gaya bahasa antara lirik lagu Lili Marleen dan Perwira. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 11(3): 95-108.
- Jimbai, J., Banseng, S., & Handrianto, C. (2024). Formation process of derived words in Malay and Iban. *International Journal of Education, Information Technology and Others (IJEIT)* 7(1): 325-340.
- Rocketfuel Network. (2021). Keluarga Malaysia. Video YouTube.
- Munirah Zulkifli & Ira Meilita Ibrahim. (2023). Penggunaan bahasa slanga di media sosial dalam kalangan pencipta kandungan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, hlm. 201-210.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Alisa Latiff & Nora'azian Haji Nahar. (2023). Analisis ujaran video tiktok zhiddin aziz bersandarkan teori Keraf. *The International Young Scholars Journal of Languages (IYSJL)* 6:10-20.
- Nur Syafiqah Mohd Yazib. (2022). Music as a Platform: Instilling the spirit of keluarga malaysia through ‘Keluarga Malaysia’. *CDISS Commentaries* Ogos: 10-15.
- Pejabat Perdana Menteri. (2008). Koleksi Arkib Ucapan: perutusan khas Covid-19-stay at home.
- Pejabat Perdana Menteri. (2008). Koleksi Arkib Ucapan: teks ucapan perutusan khas pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat (PRIHATIN).
- Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3): 1-14.